

No. Soalan: 82
PR-1352-L01476

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN SALLEH
[KALABAKAN]**

TARIKH : **27 JULAI 2017**

SOALAN : **Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur
bin Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI
LUAR NEGERI** menyatakan apakah
pendirian Kerajaan mengenai dasar
pengharaman masuk rakyat dari beberapa
Negara Islam tertentu oleh Presiden
Amerika yang baru Donald Trump.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia dan Amerika Syarikat mempunyai hubungan dua hala yang mesra serta kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, keselamatan, pertahanan dan sebagainya. Pihak Kementerian berpandangan bahawa hubungan dua hala yang kukuh yang sedia terjalin telah dipertingkatkan pada tahun 2014 ke tahap Perkongsian Strategik Komprehensif (*Comprehensive Strategic Partnership*) sejak tahun 2014.

3. Arahan Eksekutif oleh Presiden Amerika tersebut, yang telah dikemaskinikan oleh pentadbiran beliau pada 28 Jun 2017, membabitkan enam negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam. Negara-Negara tersebut adalah Iran, Yaman, Syria, Somalia, Libya dan Sudan. Arahan Eksekutif tersebut melarang warga negara-negara berkenaan ke Amerika Syarikat selama 90 hari dan menyekat kemasukan semua pelarian ke Amerika Syarikat selama 120 hari. Namun demikian, arahan tersebut masih membenarkan individu dari negara-negara tersebut yang mempunyai hubungan 'bona fide' dengan seseorang atau entiti di Amerika Syarikat. Ini termasuk mempunyai ahli keluarga terdekat yang menetap di Amerika Syarikat; pelajar yang akan dan sedang

melanjutkan pengajian di institusi pendidikan; dan juga mereka yang mempunyai pekerjaan di negara tersebut.

4. Malaysia tidak termasuk di dalam senarai Arahan Eksekutif tersebut dan tidak terkesan dengan arahan yang telah dikemaskinikan oleh pentadbiran Presiden Trump. Kementerian Luar Negeri juga telah mendapatkan pengesahan Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, bahawa tiada halangan bagi rakyat Malaysia memasuki Amerika Syarikat asalkan mereka mempunyai visa dan dokumen perjalanan yang sah serta lengkap.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sesebuah negara berhak untuk menggubal hala tuju serta dasar yang difikirkan perlu demi keselamatan negara tersebut. Dalam hal ini, Arahan Eksekutif Presiden Amerika Syarikat tersebut adalah urusan dalaman Amerika Syarikat. Malaysia berpendapat bahawa arahan tersebut adalah hak pentadbiran negara berkenaan.

Sekian, terima kasih.